



Fakulti Bahasa dan Komunikasi

Pemilihan dan sikap bahasa Etnik Iban di Kampung Batu 8, Limbang, Sarawak

Florina Tolentino Lina (69743)

Ijazah Sarjana Muda Sastera (Linguistik)

2021

PENGISYTIHARAN KEASLIAN KERJA

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

Sila tandakan (√)	
Projek Tahun Akhir/	√
Sarjana	
PhD	

PENGAKUAN KEASLIAN HASIL KERJA

Perakuan ini telah dibuat pada 6 Jun 2022.

Pengakuan Pelajar:

Saya Florina Tolentino Lina, 69743, Fakulti Bahasa dan Komunikasi dengan ini mengisytiharkan bahawa kerja Pemilihan dan Sikap Etnik Iban di Kampung Batu 8, Limbang, Sarawak adalah kerja saya yang asli. Saya tidak meniru dari mana-mana hasil kerja pelajar yang lain atau dari mana-mana sumber lain kecuali dengan menyatakan sumber rujukan sewajarnya atau pengakuan telah dinyatakan dengan jelas dalam teks, dan tidak mempunyai mana-mana bahagian ditulis untuk saya oleh orang lain.

6 Jun 2022

Tarikh serahan

Florina Tolentino Lina (69743)

Nama pelajar (No. matrik)

Pengesahan Penyelia:

Saya Salbia binti Hassan dengan ini memperakui bahawa hasil kerja bertajuk Pemilihan dan Sikap Etnik Iban di Kampung Batu 8, Limbang, Sarawak telah disediakan oleh pelajar yang bernama di atas, dan telah diserahkan kepada " FAKULTI " sebagai * memenuhi sebahagian/penuh bagi penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Sastera (Linguistik) dan kerja yang dinyatakan di atas, sepanjang pengetahuan saya, adalah hasil kerja pelajar tersebut.

Diterima untuk pemeriksaan oleh:

Tarikh:

Salbia binti Hassan

Saya mengaku bahawa Projek/Tesis diklasifikasikan sebagai (Sila tandakan (✓)) :

- ☐ **SULIT** (Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)*
- ☐ **TERHAD** (Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi di mana penyelidikan telah dijalankan)
- ☒ **AKSES TERBUKA**

Pengesahan Projek / Tesis

Oleh itu, saya mengaku dan mengesahkan dengan sewajarnya dengan kebenaran dan kerelaan bahawa Projek/Tesis ini hendaklah diletakkan secara rasmi di Pusat Khidmat Maklumat Akademik dengan kepentingan undang-undang dan hak-hak seperti berikut:

- Pusat Khidmat Maklumat Akademik mempunyai hak yang sah untuk membuat salinan Projek/Tesis bagi pertukaran akademik antara Institut Pengajian Tinggi.
- Tiada pertikaian atau apa-apa tuntutan yang dibuat sama ada oleh pelajar itu sendiri atau pihak ketiga terhadap Projek/Tesis ini apabila telah menjadi hak milik UNIMAS.
- Mana-mana bahan, data dan maklumat yang berkaitan dengan Projek/Tesis ini, tidak dibenarkan diedar, diterbitkan atau didedahkan kepada mana-mana pihak oleh pelajar melainkan dengan kebenaran UNIMAS.

Tandatangan Pelajar

florina
(6 Jun 2022)

Tandatangan Penyelia

(6 Jun 2022)

Alamat semasa pelajar:

Rumah Senggat Batu 8, Jalan Kubong, 98700, Limbang, Sarawak.

Nota: *Jika Projek/Tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan bersama-sama surat daripada organisasi berserta sebab dan tempoh kerahsiaan dan sekatan.

[Instrumen ini disediakan oleh Pusat Khidmat Maklumat Akademik]

PENGHARGAAN

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Dr, Salbia Hassan selaku penyelia dari Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) yang memberi tunjuk ajar dalam menyiapkan projek tahun akhir ini. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada kedua-dua ibu bapa yang memberi motivasi dan sokongan dalam melaksanakan kajian ini.

Ucapan penghargaan dan terima kasih juga ditujukan kepada rakan-rakan seperjuangan dalam menjalankan kajian yang tidak putus memberi panduan dan dorongan kepada saya untuk menyiapkan projek tahun akhir ini. Akhir sekali, tidak lupa juga memberikan ucapan terima kasih kepada responden kajian komuniti Iban di Kampung Batu 8, Limbang yang sudi meluangkan masa sama ada secara langsung atau tidak langsung sepanjang kajian ini dijalankan.

ABSTRAK

Kepelbagaian etnik yang ada di negara ini menyebabkan wujudnya kepelbagaian bahasa dan bangsa daripada pelbagai masyarakat. Masyarakat yang ada di Malaysia mempunyai kemahiran untuk menggunakan dwibahasa ketika berkomunikasi dengan individu yang berlainan bangsa. Kemahiran penggunaan bahasa melebihi daripada satu bahasa iaitu bahasa ibunda dan bahasa Melayu. Hasil dapatan kajian yang diperolehi dengan menggunakan empat domain yang terdiri daripada teori domain Fishman iaitu domain keluarga, domain pekerjaan, domain kejiwaan dan domain persahabatan. Berdasarkan analisis terhadap data pemilihan bahasa etnik Iban di Kampung Batu 8, Limbang didapati responden lebih dominan memilih bahasa Iban ketika berkomunikasi dengan individu yang sebangsa dalam domain keluarga dan domain kejiwaan. Peralihan juga berlaku dalam domain pekerjaan dan domain persahabatan iaitu ketika berkomunikasi dengan individu yang didapati berlainan bangsa. Peralihan bahasa wujud berdasarkan situasi dan fungsi yang dihadapi responden. Bagi sikap penutur masyarakat etnik Iban menunjukkan bahawa responden masih setia dan bangga sebagai penutur jati bangsa Iban.

ABSTRACT

Malaysia is a country known for with diverse ethnicities. Malaysia's ethnic diversity in the country creates a diversity of languages and races from various communities. Due to this diversity, there are issues regarding language usage among Malaysians. The study proposes the Fishman domain model to examine the four domains: family, employment, neighbourhood, and friendship used by Iban people in Batu 8, Limbang, Sarawak and surveys the attitudes of Iban towards the usage of their mother tongue, Iban language, as well as English and Malay.

The findings show that language transitions exist based on the respondent's situations and functions. The community in Malaysia tends to master the use of bilinguals, namely the native language and the Malay language. The respondents were dominant in choosing the Iban language when communicating with individuals of the same race. The transition between the languages depends on personal background, and this can be seen in family, neighbourhood and friendship domains and employment domains based on the affairs. The findings indicated that the Iban ethnic attitudes are closely related to their backgrounds and the languages in social environments.

ISI KANDUNGAN

PENGISYTIHARAN KEASLIAN KERJA.....	i
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
SENARAI JADUAL	viii
BAB 1: PENGENALAN.....	1
1.0 Pengenalan	1
1.1 Latar Belakang.....	1
1.3 Objektif dan tujuan kajian.....	3
1.4 Definisi operasional	4
1.4.1 Pemilihan Bahasa	4
1.4.2 Sikap bahasa	4
1.4.3 Etnik Iban	5
1.4.5 Teori Domain Fishman (1972)	6
1.6 Kesimpulan	7
BAB 2: SOROTAN KAJIAN	8
2.0 Pengenalan	8
2.1 Kajian lepas mengenai pemilihan dan penggunaan bahasa	8
2.1.1 Pemilihan bahasa	8
2.1.2 Faktor Pemilihan dan penggunaan bahasa dalam masyarakat.....	13
2.3 Rumusan kajian.....	14
BAB 3: METODOLOGI KAJIAN	15
3.0 Pendahuluan	15
3.1 Reka bentuk kajian.....	15
3.2 Responden.....	15
3.4 Prosedur pengumpulan data	18
3.5 Prosedur analisis data	18
3.6 Teori Domain Fishman (1972).....	20
3.7 Limitasi kajian	20
3.8 Rumusan	21
BAB 4: DAPATAN DAN PERBINCANGAN	22

4.0 Pengenalan	22
4.1 Pemilihan bahasa dalam pelbagai domain	22
4.1.1 Domain Keluarga.....	22
4.1.2 Domain Pekerjaan.....	24
4.1.3 Domain Kejiranan.....	26
4.1.4 Domain persahabatan	27
4.2 Sikap penutur bahasa Etnik Iban.....	29
4.3 Rumusan	30
BAB 5: KESIMPULAN.....	32
5.0 Pengenalan	32
5.1 Ringkasan berkenaan kajian	32
5.1.1 Penggunaan pemilihan bahasa dalam domain yang berbeza	32
5.1.2 Sikap terhadap bahasa	33
5.2 Implikasi Kajian.....	34
LAMPIRAN	42
Soal Selidik	42

SENARAI JADUAL

Jadual 1: Demografi responden.....	17
Jadual 2: Domain Keluarga	23
Jadual 3: Domain Pekerjaan.....	24
Jadual 4: Domain Kejiranan.....	26
Jadual 5: Domain Persahabatan.....	27
Jadual 6: Sikap penutur terhadap bahasa.....	29

SENARAI RAJAH

Peta 1: Kawasan kajian – Limbang, Sarawak	3
---	---

BAB 1: PENGENALAN

1.0 Pengenalan

Bab ini menjelaskan latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif, definisi operasi terma dan kepentingan kajian.

1.1 Latar Belakang

Menurut Osup (2015) bahasa Iban sendiri adalah milik atau kepunyaan kumpulan bahasa Melayu, yakni Malayo-Polinesia dari rumpun atau keluarga bahasa Austronesia. Richards (1981) menyatakan bahawa bahasa Iban boleh dianggap sebagai satu dialek bahasa walaupun penutur jati bahasa Melayu Semenanjung Tanah Melayu dan Indonesia tidak memahami dengan baik. Menurut Sandin (1967) masyarakat Iban adalah etnik yang terbesar mendiami kawasan di Sarawak. Kajian Osup (2015) menyatakan terdapat perbezaan dialek tempatan (dialek daerah) atau loghat dalam bahasa Iban terutamanya dari segi kata-kata yang dituturkan meskipun bahasa tersebut tidak begitu ketara kerana terdapat perbezaan dalam bahasa mereka. Masyarakat Iban tinggal berpecah di daerah-daerah di sekitar Sarawak kepada skala lebih kecil.

1.2 Permasalahan Kajian

Sarawak merupakan sebuah negeri yang kaya dengan kepelbagaian penutur bahasa ibunda yang merangkumi keseluruhan penduduk di Malaysia. Norahim (2010) menyatakan bahawa dalam persekitaran sosiolinguistik, Sarawak adalah masyarakat yang berbilang bangsa dan multilinguisme adalah norma di rantau ini. Walaupun bahasa Melayu merupakan bahasa rasmi di

Malaysia, tetapi penggunaan dialek Melayu Sarawak digunakan secara meluas dalam suku etnik di Sarawak.

Terdapat beberapa kajian yang dijalankan mengenai sikap dan pemilihan bahasa di Malaysia yang dikaji oleh penyelidik lain. Kajian lepas kebanyakannya tidak menyentuh mengenai pemilihan bahasa dan sikap penutur masyarakat etnik Iban. Kajian Osup (2015) hanya menyentuh mengenai bahasa etnik Iban di Sarawak. Kajian Shin, Gedat, dan Mis (2019) pula hanya memfokuskan perbandingan bahasa Remun dan bahasa Iban dari aspek leksikal dan fonologi. Kajian yang dijalankan di Sabah dan Sarawak mengenai pemilihan dan sikap penutur hanya melibatkan masyarakat minoriti seperti masyarakat Cina kajian Kim (2017) Penan Muslim Shin, Mangku dan Collins (2018), Tuah et. al (2021) bahasa Kedayan dan Arif, Kiram dan Dani (2020) bahasa etnik Melayu Brunei.

Didapati bahawa kajian yang dijalankan oleh penyelidik mengenai pemilihan bahasa etnik Iban masih terhad. Oleh yang demikian, kajian ini wajar dijalankan untuk mengkaji pemilihan dan penggunaan bahasa etnik Iban dalam menuturkan bahasa ibunda mereka, yakni dalam kalangan masyarakat mereka atau masyarakat di sekeliling. Menurut Osup (2015) dari segi bilangan, masyarakat Iban adalah orang asli yang terbesar di Bumi Kenyalang dan mereka merupakan komuniti yang tersebar luas di empat wilayah politik di Borneo iaitu Sabah, Sarawak, Brunei Darussalam dan Kalimantan. Setiap daerah yang terdapat di Sarawak mempunyai penggunaan bahasa Iban yang berbeza berdasarkan kedudukan kawasan mereka diami. Misalnya, kawasan daerah Limbang merupakan kawasan yang terletak di antara Negara Brunei Darussalam dengan Daerah Temburong.



Peta 1: Kawasan kajian – Limbang, Sarawak

(Sumber: Diubah suai dari <https://borneo.com.au/sarawak/>)

Peta 1, menunjukkan lokasi kajian yang tertumpu kepada daerah Limbang. Peta ini digunakan sebagai gambaran untuk menerangkan dengan lebih spesifik kawasan kajian pengkaji.

1.3 Objektif dan tujuan kajian

Tujuan kajian untuk mengetahui pemilihan bahasa yang digunakan oleh etnik Iban di daerah Limbang, Sarawak. Seterusnya, terdapat dua objektif yang akan dicapai untuk kajian ini, iaitu:

1. Untuk mengenal pasti pemilihan bahasa etnik Iban berdasarkan domain yang berbeza.
2. Untuk mengenal pasti sikap penutur bahasa etnik Iban terhadap bahasa yang digunakan.

1.4 Definisi operasional

Bahagian ini mendefinisikan beberapa istilah yang digunakan dalam kajian iaitu:

1.4.1 Pemilihan Bahasa

Pemilihan bahasa digunakan ketika berinteraksi berdasarkan pelbagai tujuan dan situasi. Pemilihan bahasa lazimnya menjadi suatu isu yang kerap dibincangkan dalam negara yang terdiri daripada masyarakat pelbagai kaum dan mempunyai pelbagai bahasa, begitu juga di Malaysia. Mohamed (1998) mendefinisikan pemilihan bahasa sebagai faktor yang mendorong penutur bahasa membuat pemilihan dan penyesuaian terhadap bahasa yang digunakan semasa berinteraksi dengan orang lain agar mendapat komunikasi yang berkesan. Dalam kajian ini, pemilihan bahasa merupakan terma yang digunakan untuk mengenal pasti pemilihan bahasa etnik Iban di kawasan Limbang, Sarawak berdasarkan domain yang berbeza.

1.4.2 Sikap bahasa

Menurut Karim (1998), sikap bahasa adalah pandangan ataupun pegangan seseorang penutur terhadap sesuatu bahasa yang dipandang rendah dan tinggi oleh pengguna bahasa. Terma dalam kajian ini iaitu “sikap bahasa” digunakan untuk memberikan gambaran perasaan penutur bahasa terhadap bahasa ibunda bagi etnik Iban atau bahasa orang lain.

1.4.3 Etnik Iban

Menurut Osup (2015) etnik Iban tersebar di seluruh Sarawak dan didapati mendiami pelbagai kawasan persisiran pantai di Kuching, Saribas, Skrang, Sri Aman, Lemanak, Batang Lupar, Lundu, Miri, Bintulu, Kapit, Limbang, Lawas. Dalam konteks kajian ini, tertumpu kepada etnik Iban yang berada di daerah Limbang, Sarawak.

1.4.4 Bahasa Iban

Bahasa Iban dituturkan seramai 797,700 penduduk Sarawak yang dicatatkan pada tahun 2017 (Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Sarawak). Kajian Yusof (2003) menyatakan bahawa bahasa Iban berasal daripada keturunan yang sama dengan bahasa Melayu iaitu Malayik-Dayak (Ibanik). Dalam kajian ini, bahasa Iban merupakan bahasa yang dituturkan oleh etnik Iban di Kampung Batu 8, Limbang, Sarawak.

1.4.5 Teori Domain Fishman (1972)

Konsep kajian yang dijalankan ini, diukur menggunakan teori domain Fishman (1972). Menurut kajian yang dijalankan Omar (1992) menyatakan bahawa sikap pemilihan bahasa berkait rapat dengan faktor kepercayaan budaya, faktor latar belakang sosiopolitik dan faktor pengajaran dan pembelajaran di persekitaran seseorang pengguna bahasa membentuk sikap seseorang. Kesemua faktor ini menyumbang kepada pembentukan sama ada sikap positif atau negatif pada seseorang. Keadaan ini berlaku kerana memang wujud banyak kelainan bahasa dalam setiap komuniti multibahasa. Dalam kajian yang dijalankan oleh Mohamed (2005) menambah dua lagi domain iaitu domain transaksi dan domain pemerintahan. Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan teori domain Fishman (1972) yang merangkumi empat domain iaitu kekeluargaan, pekerjaan, kejiwaan dan persahabatan.

1.5 Kepentingan kajian

Hasil kajian lepas yang menggunakan penerapan domain Fishman (1972) memberikan gambaran jelas tentang pemilihan dan penggunaan bahasa etnik Iban yang menetap di limbang, Sarawak.

Pemilihan bahasa komuniti bahasa etnik Iban perlu diperkenalkan dalam masyarakat kerana kepelbagaian bahasa penting untuk menunjukkan identiti kepada sesebuah komuniti. Kajian tentang pemilihan bahasa etnik Iban kurang dikaji mengikut domain-domain tertentu. Giles, Coupland dan Coupland (1991) melihat pemilihan bahasa berkaitan dengan keinginan seseorang untuk memperlihatkan mahupun menutup hubungan dirinya dengan masyarakat bahasa yang lain. Sifat seseorang penutur bahasa akan berupaya memasuki ke dalam suatu percakapan (*convergence*)

melalui pemilihan bahasa. Sekiranya, penutur tidak ingin memasuki suatu pembicaraan (*divergence*), akan memutuskan sesuatu penggunaan bahasa secara sedar. Kepentingan dalam mengenal pasti sikap penutur adalah untuk melihat kepelbagaian dari segi pandangan penutur etnik Iban dalam mengekalkan penggunaan bahasa mereka dalam kehidupan.

Pengkaji menggunakan empat teori domain Fishman iaitu domain keluarga, domain pekerjaan, domain kejiwaan dan domain persahabatan untuk menganalisis pemilihan bahasa etnik Iban. Tujuan penggunaan teori domain Fishman digunakan sebagai panduan untuk menjalankan kajian ini. Beberapa kajian lepas juga dilihat menggunakan teori domain Fishman untuk mendapatkan data pemilihan bahasa seperti kajian Zailani, Makhtar dan Yusop (2019), Ma'alip (2014), Marshid dan Ma'alip (2018), Shin, Mangku dan Collins (2018), Tuah et. al (2021). Oleh itu, kajian ini penting untuk dikaji berdasarkan pemilihan dan sikap penutur bahasa etnik Iban agar bahasa tersebut tidak pupus daripada bahasa penuturnya.

1.6 Kesimpulan

Dalam bab ini, pengkaji menerangkan latar belakang kajian yang dijalankan dan memberikan gambaran ringkas berkenaan kepentingan kajian. Pengkaji memilih kawasan kajian yang sesuai untuk mendapatkan data pemilihan dan sikap penutur bahasa etnik Iban. Pemilihan bahasa etnik Iban di Kampung Batu 8, Limbang, Sarawak sesuai menjadi kawasan kajian kerana kedudukan daerah geografi yang terletak di antara Negara Brunei Darussalam dan daerah Temburong.

BAB 2: SOROTAN KAJIAN

2.0 Pengenalan

Bab 2 membincangkan sorotan kajian yang telah dijalankan oleh ahli linguistik di Malaysia. Antara kajian yang disoroti ialah kajian Zailani, Makhtar dan Yusop (2019), Marshid dan Ma'alip (2018), Shin, Mangku dan Collins (2018), Ma'alip et. al (2014), Tuah et. al (2021), Arif, Kiram dan Dani (2020), Renddan et. al (2020) dan Kim (2017).

2.1 Kajian lepas mengenai pemilihan dan penggunaan bahasa

Berdasarkan sorotan kajian, penyelidik di Malaysia cenderung untuk menjalankan kajian mengenai pemilihan dan sikap penutur bahasa masyarakat di Semenanjung Malaysia. Terdapat juga kajian yang sama berkenaan pemilihan dan sikap penutur terhadap bahasa dijalankan di Sabah dan Sarawak seperti kajian Tuah et. al (2021), Shin, Mangku dan Collins (2018) dan Renddan et. al (2020) yang memfokuskan kajian terhadap etnik minoriti . Dengan ini dapat dilihat bahawa kajian mengenai pemilihan dan sikap penutur terhadap bahasa Iban belum dikaji. Berikut merupakan sorotan kajian berkenaan pemilihan dan penggunaan bahasa dalam masyarakat di Malaysia

2.1.1 Pemilihan bahasa

Kajian yang dijalankan oleh Zailani, Makhtar dan Yusop (2019) mengenai pemilihan bahasa dalam masyarakat Semai di Hulu Selangor. Tujuan kajian Zailani, Makhtar dan Yusop (2019) untuk mengkaji sikap terhadap pemilihan dan penggunaan bahasa masyarakat Semai di Hulu Selangor. Objektif kajian untuk mengenal pasti pemilihan bahasa yang digunakan untuk

berinteraksi dalam masyarakat Semai di perkampungan Orang Asli di Kampung Serigala dan Kampung Changkat Bintang. Pengkaji menggunakan teori domain yang sama iaitu teori domain Fishman (1972) agar dapat menganalisis pemilihan bahasa dalam pelbagai aspek dengan lebih terperinci seperti domain keluarga, domain pekerjaan, domain kejiwaan dan domain persahabatan. Kajian Zailani, Makhtar dan Yusop (2019) menerapkan kerangka model kajian mandala berdasarkan teori domain Fishman (1972) bagi meninjau pemilihan bahasa dalam kalangan masyarakat bahasa yang dikaji. Penerapan teori domain dapat menghuraikan situasi pemilihan bahasa dalam masyarakat yang menjurus kepada masyarakat multibahasa. Tambahan pula, domain pemilihan bahasa perlu merangkumi latar, bentuk komunikasi yang terlibat, topik perbualan dan status sosial. Justeru kajian terhadap pemilihan bahasa dalam masyarakat dwibahasa, penerapan teori ini dapat menggambarkan sikap pemilihan bahasa, hubungan dengan tempat peristiwa komunikasi berlangsung. Pengkaji juga menggunakan teori domain Fishman (1972) untuk memperincikan pemilihan bahasa dalam etnik Iban. Hasil kajian menunjukkan bahasa Semai masih dikekalkan dalam interaksi yang melibatkan domain keluarga berdasarkan konsep domain Fishman (1972).

Kajian yang dijalankan oleh Marshid dan Ma'alip (2018) untuk mengkaji pemilihan bahasa dalam masyarakat multilingual minoriti Siam Peranakan. Objektif kajian untuk mengenal pasti pemilihan bahasa dan sikap penutur terhadap bahasa Siam.

Kajian Marshid dan Ma'alip (2018) menggunakan teori Fishman (1965) iaitu empat domain utama serta faktor yang mempengaruhi pemilihan bahasa. Pengkaji menggunakan teori yang sama bagi menganalisis tingkah laku masyarakat untuk melihat peralihan atau pengekalan bahasa etnik Iban. Teori domain yang digunakan merangkumi domain kekeluargaan, domain kejiwaan dan persahabatan, domain keagamaan dan domain pekerjaan. Marshid dan Ma'alip (2018) menerapkan

domain ini untuk meninjau situasi pemilihan bahasa yang digunakan oleh masyarakat minoriti. Kajiannya menggunakan kaedah soal selidik dan temu bual yang melibatkan 100 orang responden yang merupakan masyarakat Siam di sekitar Alor Setar, Kedah. Kajian dijalankan menggunakan kaedah pengumpulan data campur iaitu kuantitatif dan kualitatif yang menyediakan instrumen borang soal selidik dan kaedah temu bual. Marshid dan Ma'alip (2018) juga menggunakan kaedah lapangan dalam menjalankan kajian untuk mendapatkan data yang lebih jelas.

Hasil kajian menunjukkan komuniti ini lebih dominan dalam menggunakan bahasa Siam dan bahasa Melayu dalam kajian berdasarkan domain keluarga, domain kejiwaan dan persahabatan, domain keagamaan dan domain pekerjaan. Pengkaji merujuk kajian Marshid dan Ma'alip (2018) agar dapat melihat perubahan fenomena sesuatu bahasa berdasarkan situasi tertentu.

Seterusnya, kajian yang dijalankan oleh Shin, Mangku dan Collins (2018), mengkaji pemilihan bahasa komuniti Penan Muslim di Sarawak. Kajian Shin, Mangku dan Collins (2018) menggunakan pendekatan teori Fishman (1971) yang berkaitan pemilihan bahasa berdasarkan konsep domain. Kajian dijalankan dengan memilih responden di kampung Jambatan Suai, Niah untuk mengetahui corak pemilihan bahasa oleh golongan Penan Muslim yang multilingual ini. Kajian yang dijalankan di kampung ini mendapati bahasa suku Penan yang berlainan agama mempunyai perbezaan dari segi penggunaan bahasa Penan.

Kajian Shin, Mangku dan Collins (2018) menggunakan kaedah bersemuka untuk mendapatkan jawapan daripada informan berkaitan latar belakang bahasa, latar sosial dan sebagainya. Kajian dijalankan menggunakan teori Fishman (1971) iaitu domain keluarga, persahabatan, agama, pendidikan, dan pekerjaan. Manakala, dalam kajian ini pengkaji menggunakan pendekatan teori yang sama agar dapat melihat dengan lebih jelas pemilihan bahasa dan sikap penutur bahasa etnik Iban.

Hasil kajian berkaitan pemilihan bahasa masyarakat Penan Muslim berdasarkan domain didapati telah berlaku perubahan kod bahasa asal masyarakat Penan. Suku Penan Muslim memilih bahasa Bintulu sebagai bahasa identiti mereka dan menganut agama Islam tetapi pemilihan pelbagai kod bahasa dalam interaksi digunakan ketika bertutur dengan masyarakat lain.

Kajian yang dijalankan oleh Ma'alip (2014) bertujuan untuk meneliti pemilihan bahasa masyarakat Orang Asli Che Wong dalam proses peralihan bahasa. Objektif kajian adalah menganalisis pemilihan bahasa dan mengenal pasti faktor penyebab pemilihan bahasa dalam masyarakat Orang Asli Che Wong.

Kajian melibatkan responden yang terdiri daripada masyarakat Orang Asli Che Wong yang berada di Kuala Gandah, Pahang. Kajian Ma'alip (2014) menggunakan kaedah soal selidik, temu bual dan pemerhatian bagi tujuan pengumpulan data. Data yang dikumpul akan dianalisis dan dihuraikan bagi memperlihatkan pemilihan bahasa yang digunakan untuk berinteraksi mengikut domain yang dipilih. Reka bentuk kajian Ma'alip (2014) menggunakan data pemilihan bahasa dengan mengaplikasikan pendekatan deskriptif dengan menggunakan konsep domain.

Hasil kajian memperlihatkan proses peralihan bahasa yang dipilih oleh masyarakat Che Wong masih cenderung memilih bahasa ibunda mereka ketika bertutur. Kajian mendapati bahawa pilihan bahasa Melayu dipraktikkan sebagai bahasa pengantar ketika berinteraksi sesuai dengan situasi ketika bertutur dengan masyarakat sekeliling.

Kajian yang dijalankan Tuah et. al (2021) bertujuan untuk menentukan daya tahan bahasa Kedayan di Bekenu, Sibuti. Objektif kajian untuk mengenal pasti pemilihan bahasa dalam kalangan masyarakat Kedayan berdasarkan domain.

Kajian melibatkan seramai 90 orang informan daripada kaum Kedayan yang berasal dari Kampung Jambu, Kampung Peliau, Kampung Gatas dan Kampung Bungai. Kajian yang dijalankan

berbentuk deskriptif. Instrumen kajian ini ialah pemerhatian, borang soal selidik dan temu bual. Data dikumpul menggunakan kaedah edaran borang soal selidik. Menganalisis data menggunakan kerangka domain Fishman (1972) yang terbahagi kepada lima domain iaitu domain keluarga, persahabatan, agama, pendidikan dan pekerjaan.

Hasil kajian yang dijalankan Tuah et. al (2021) mendapati bahawa masyarakat Kedayan masih mengekalkan penggunaan bahasa ibunda mereka. Pada tahun 2011, berpandukan kerangka vitaliti dan keterancaman bahasa United Nations Educational, Scientific, and Cultural Organization (UNESCO), dapat dirumuskan bahawa bahasa Kedayan masih berada pada tahap selamat iaitu bahasa tersebut masih dituturkan oleh semua generasi dan tiada gangguan dalam menurunkan bahasa antara generasi ke generasi.

Kajian yang dijalankan Renddan et. al (2020) bertujuan menganalisis pemilihan bahasa tiga generasi etnik Bajau Sama di Kota Belud, Sabah. Objektif kajian untuk mengenal pasti pemilihan bahasa oleh tiga generasi penutur bahasa Bajau Sama.

Kajian ini melibatkan seramai 60 peserta kajian daripada etnik Bajau Sama yang terdiri daripada tiga generasi penutur terlibat yang dipilih berdasarkan persampelan rawak. Kajian ini berbentuk deskriptif. Instrumen kajian menggunakan kaedah soal selidik. Dalam kajian Renddan et. al (2020) soal selidik berstruktur yang diadaptasi daripada model Hotma (2017) untuk menganalisis lima domain iaitu domain kekeluargaan, domain kejiwaan, domain pendidikan, domain keagamaan, dan domain jual beli.

Hasil kajian mendapati bahawa penggunaan bahasa ibunda dalam kalangan generasi lanjut usia menandakan kelompok ini ialah penutur jati. Menurut Seruji (2014) generasi ini tidak berpeluang mendapatkan pendidikan formal namun dalam kalangan mereka ada yang faham dan

boleh bertutur bahasa Melayu. Manakala, generasi muda peribumi Sabah tidak kerap menggunakan bahasa ibunda sewaktu berkomunikasi dengan ahli-ahli keluarga.

Kajian yang dijalankan Arif, Kiram dan Dani (2020) bertujuan untuk mengaplikasikan teori analisis domain dalam domain bahasa etnik Melayu Brunei di Sabah. Objektif kajian untuk mengenal pasti bahasa yang dominan berdasarkan domain perilaku bahasa pelajar etnik Melayu Brunei yang dikaji. Objektif kedua untuk menentukan hubungan dan peranan pelajar etnik Melayu Brunei yang dikaji dalam domain bahasa tidak formal dan formal. Objektif ketiga kajian untuk merumuskan aplikasi teori analisis domain dalam domain bahasa pelajar etnik Melayu Brunei.

Kajian yang dijalankan melibatkan seramai 56 pelajar dari tingkatan 4 etnik Melayu Brunei di Membakut, Sabah. Kajian yang dijalankan oleh Arif, Kiram dan Dani (2020) menggunakan dua domain bahasa iaitu domain keluarga dan pendidikan. Pengkaji pula menggunakan teori domain keluarga untuk mengenal pasti bahasa yang digunakan dalam kalangan penutur bahasa etnik Iban. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa pelajar etnik Melayu Brunei paling kerap menggunakan bahasa ibunda mereka dalam domain rumah ketika berkomunikasi. Bagi domain pendidikan pelajar lebih kerap menggunakan bahasa ibunda iaitu dialek Melayu Brunei semasa berhubung dengan rakan, guru dan pengetua.

2.1.2 Faktor Pemilihan dan penggunaan bahasa dalam masyarakat

Kajian Kim (2017) bertujuan untuk meneliti bahasa yang digunakan masyarakat Cina dan kecenderungan bahasa ketika berinteraksi dengan masyarakat lain. Kajian yang dijalankan menggunakan penerapan teori domain Fishman (1972 dan 1994) yang meneliti pemilihan bahasa dalam kalangan remaja kaum Cina.

Seramai 100 orang responden yang terlibat dan merupakan pelajar sekolah menengah yang terdiri daripada pelajar yang berumur 16 tahun dan 17 tahun berbangsa Cina. Kajian yang dijalankan terhadap pelajar dari kelas yang berbeza.

Seterusnya, pengkaji menggunakan kaedah soal selidik yang terbahagi kepada empat bahagian untuk kaedah pengumpulan data iaitu bahagian A demografi responden, bahagian B pemilihan bahasa berkaitan domain, bahagian C sikap responden terhadap penggunaan bahasa dan bahagian D soalan terbuka mengenai faktor yang mempengaruhi pemilihan bahasa. Kaedah temu bual dijalankan untuk mendapatkan data tentang sikap terhadap penggunaan bahasa.

Hasil kajian mendapati bahasa remaja kaum Cina cenderung menggunakan bahasa Mandarin dalam domain keluarga, sekolah, transaksi dan jabatan kerajaan. Responden memilih domain bahasa Inggeris lebih positif berbanding bahasa Melayu. Kajian mendapati bahawa sebab pemilihan dalam domain bahasa Melayu tidak dipilih atas faktor kurang fasih.

2.3 Rumusan kajian

Berdasarkan tinjauan kajian yang telah dijalankan di Malaysia, memaparkan kelompangan kajian mengenai pemilihan dan sikap penutur bahasa dalam kalangan etnik Iban di Sarawak. Menurut Mohamed dan Karim (2005) penerapan teori domain Fishman telah mendominasi kajian terdahulu kerana teori domain Fishman merupakan satu pengunci yang baik untuk situasi kajian pemilihan bahasa di Malaysia yang mempunyai kepelbagaian bahasa. Teori domain Fishman diaplikasikan dalam kajian ini untuk meneliti pemilihan bahasa etnik Iban dalam domain-domain tertentu.